

09 JUL 2003

I

AGONG DAN PM HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA BAHAMAS

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Gabenor Jeneral Bahamas, Dame Ivy Dumont sempena sambutan ulang tahun ke-30 negara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Perry G. Christie, berkata beliau berharap hubungan antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi di masa depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan kepada Menteri Hal Ehwat Luar dan Perkhidmatan Awam Bahamas, Frederick A. Mitchell.

-- BERNAMA

AT KHY RHM